

Wargakota perlu berkorban untuk pembangunan

Ⓟ

U.M. - 9 JUN 1993

KUALA LUMPUR 8 Jun — Datu Sri Dr. Mahathir Mohamad meminta wargakota, termasuk mereka yang kini menghuni kawasan setinggian supaya bersedia berkorban untuk pembangunan yang lebih baik bagi ibu negara.

Perdana Menteri yang diminta mengulas kejadian banjir kilat yang berlaku di sini semalam menjelaskan, banjir yang berlaku itu adalah satu kejadian luar biasa.

"Hujan begitu lebat, kemudian banjir, dan surut begitu cepat. Sistem perairan memang ada, tetapi ia tidak dapat menampung hujan yang terlalu lebat," katanya.

Beliau menambah, kejadian tersebut menjadi lebih buruk dengan haki-

kat bahawa keadaan geografi Kuala Lumpur yang terletak di sebuah kawasan lembah, dan mengambil masa untuk banjir kilat seperti itu surut.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan memang berhasrat untuk memberi peruntukan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membesarkan sungai tetapi dalam masa yang sama, kerajaan juga mahu kerjasama daripada penduduknya.

Antara masalah yang dihadapi oleh DBKL ialah kerumitan untuk mengambil alih tanah daripada penduduk setinggian di tebing sungai bagi tujuan pembesaran sungai, katanya kepada para pemberita selepas merasmikan

Mesyuarat Kumpulan Pakar G-15 di sini pagi ini.

Beliau berkata: "Saya ingin berterus terang. Kerajaan mengambil berat tentang soal banjir ini tetapi untuk berbuat sesuatu bagi mengatasi mesti ada kos, sama ada kos perbelanjaan atau kos tindakan terhadap orang tertentu.

"Tetapi ada orang yang tidak suka membayar cukai sedangkan punca kewangan kerajaan datangnya daripada cukai yang dikutip."

Dalam kejadian banjir kilat semalam yang disifatkan paling buruk pernah berlaku di Kuala Lumpur dalam tempoh 10 tahun lalu, lebih 4,000 orang terpaksa dipindah-

kan dan beratus ribu penduduk terperangkap dalam kesesakan lalu lintas selama lebih tiga jam.

Menurut Dr. Mahathir, dalam membangunkan negara ini, kerajaan tidak membazirkan wang rakyat seperti membina tugu-tugu yang tidak memberi apa-apa puang-an semula kepada rakyat.

Beliau berkata, hasil cukai yang dikutip selama ini digunakan semata-mata untuk meningkatkan lagi taraf kehidupan rakyat dengan membina lebih banyak kemudahan awam.

Katanya, bagi mengelakkan keadaan ini berulang, langkah-langkah membesarkan sungai di ibu kota boleh dilaksanakan.